



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ; BAGAIMANA KITA MENYAMBUT SAYWAL



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"BAGAIMANA KITA MENYAMBUT SYAWAL ".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ^ع وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ^٧	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ^{١٠٢}	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga kita mendapat manfaat daripada khutbah yang disampaikan ini.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: " BAGAIMANA KITA MENYAMBUT SYAWWAL? "	6



Secara fitrahnya, jiwa manusia suka kepada perayaan dan berasa gembira dengannya. Meskipun Hari Raya Idulfitri hanya diperuntukkan satu hari sahaja, iaitu pada 1 Syawal, namun di Malaysia khususnya telah menjadi tradisi masyarakat Islam menyambutnya lebih daripada satu hari. Ini disebabkan antaranya, aktiviti ziarah menziarahi antara kaum kerabat, sanak saudara dan sahabat handai yang mungkin hanya dapat dilakukan sekali dalam satu tahun. Maka, sudah tentu aktiviti ziarah menziarahi ini tidak dapat diselesaikan semuanya dalam tempoh sehari sahaja, apatah lagi jika jarak antara satu sama lain itu agak jauh. Namun, perlu diketahui bahawa sambutan yang dibuat lebih daripada 1 Syawal ini bukanlah Hari Raya, sebaliknya ia hanyalah sambutan sempena perayaan sahaja. Apa-apa pun, tradisi ziarah menziarahi, bermaaf-maafan dan rumah terbuka di bulan Syawal ini merupakan satu amalan yang baik selagimana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam.

7

Bulan Syawal ini sewajarnya dijadikan masa untuk kita terus bersyukur dan beristiqamah menjadi hamba Allah yang soleh setelah sebulan bertungkus lumus melawan godaan hawa nafsu di bulan Ramadhan, dan ia bukannya waktu untuk kita kembali kepada sikap dan perangai lama yang kurang baik.

8

Jadikanlah bulan Ramadhan yang dilalui sebagai pendidik untuk kita terus menjadi hamba Allah yang Rabbani dan bukan semata-mata hamba Ramadhani. Sesuai dengan matlamat berpuasa itu sendiri agar kita menjadi hamba Allah SWT yang bertakwa. Aspek kehambaan ini sudah tentu melibatkan secara menyeluruh segenap lapisan masyarakat Islam tanpa ada siapa pun yang terkecuali.

9



Kata Imam Ibnu Rajab Rahimahullah dalam kitabnya *Lata'if al-Ma'arif*:

"Hari Raya adalah musim kegembiraan dan keceriaan, namun kegembiraan dan keceriaan orang mukminin di dunia ini hanyalah semata-mata demi Tuhan mereka, iaitu hanya apabila mereka berjaya menyempurnakan ketaatan terhadap-Nya dan memperolehi ganjaran amalan mereka, melalui kepercayaan penuh mereka terhadap janji-Nya ke atas amalan tersebut, yang semata-mata dengan limpahan kurnia dan keampunan-Nya jua".

10

Kata beliau lagi dalam sebuah ungkapan yang penuh hikmah:

لَيْسَ الْعِيدُ مَنِ لَبَسَ الْجَدِيدَ، إِنَّمَا الْعِيدُ مَنِ طَاعَاتُهُ تَزِيدُ. لَيْسَ الْعِيدُ
مَنِ تَجَمَّلَ بِاللِّبَاسِ وَالرُّكُوبِ، إِنَّمَا الْعِيدُ مَنِ غُفِرَتْ لَهُ الذُّنُوبُ .

11

"Hari Raya (yang sebenar) itu bukanlah bagi orang yang berpakaian baru, tetapi Hari Raya itu adalah bagi orang yang ketaatannya bertambah maju. Hari Raya (yang sebenar) itu bukanlah bagi orang yang bergaya dengan berbagai pakaian dan kenderaan, tetapi Hari Raya itu adalah bagi orang yang dosa-dosanya mendapat keampunan".

12

Imam Ibnu Rajab turut memetik kata Imam Hasan al-Basri Rahimahullah iaitu katanya:

"Setiap hari yang tidak ada penderhakaan terhadap Allah padanya, maka itulah Hari Raya. Setiap hari yang dilalui seorang mukmin dalam keadaan mentaati Tuhannya, mengingati dan mensyukuri-Nya, maka itulah Hari Raya baginya".

13



Kehambaan kita kepada Allah SWT ini tentunya menuntut kita agar sentiasa mengingati dan membesarkan-Nya bukan semata-mata hanya pada Hari Raya sahaja, tetapi ianya perlulah dilakukan secara berterusan pada setiap masa dan ketika. Janganlah kita menjadi orang yang sering lalai daripada mengingati dan membesarkan Allah SWT sehingga akhirnya nanti menjadi orang yang jauh pula daripada redha dan rahmat-Nya.

14

Firman Allah SWT dalam surah Taha ayat 124:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى^{١٢٤}

15

"Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpulkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".

16

Dalam kita bergembira menyambut Syawwal ini janganlah ia dicemari dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak. Jika kita berjaya menjaga lidah semasa bulan Ramadhan daripada perbuatan mengumpat, mencaci dan menghina orang lain, maka janganlah jadikan bulan Syawwal masa untuk kembali menggunakan lidah kepada perkara-perkara yang dibenci Allah SWT itu.

17



Jika kita berjaya menjaga hati kita semasa bulan Ramadan daripada perbuatan sombong, riak dan bangga diri, maka janganlah jadikan bulan Syawal masa untuk menunjuk-nunjuk dan mempamerkan harta benda mewah atau barang baru yang dimiliki. Ingatlah, semua nikmat yang diperolehi itu sudah tentu datang daripada Allah SWT dan wajib disyukuri, namun Dia juga boleh menariknya semula pada bila-bila masa sahaja.

18

Jika kita berjaya berjimat cermat semasa bulan Ramadhan, maka janganlah jadikan bulan Syawal masa untuk kita melakukan pembaziran dan berlebih-lebihan tanpa had batasan. Ingatlah, pembaziran itu adalah tabiat perbuatan syaitan dan sentiasa dicela oleh agama Islam.

19

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 27:

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ٢٧

20

"Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

21



Jika kita gemar bersedekah di bulan Ramadhan, maka janganlah pula kita menjadi kedekut ataupun bakhil di bulan Syawal. Walhal ganjaran pahala bersedekah itu sentiasa tinggi nilainya di sisi Allah SWT. Terdapat banyak hadis yang menggalakkan kita supaya bersedekah tanpa ditentukan had masa yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW ingin mengajar umatnya agar jangan pernah melupakan saudara Islam lain yang sedang mengalami kesusahan dan kesempitan hidup. Tentunya sedekah buat mereka yang sangat memerlukan amat besar ertinya bagi mereka, apatah lagi di musim sempena perayaan sebegini. Sudah tentu golongan yang susah atau serba kekurangan ini amat memerlukan bantuan bagi memenuhi berbagai hajat dan keperluan hidup mereka.

22

Maka, menjadi tanggungjawab setiap kita umat Islam untuk memastikan tiada saudara mara dan jiran tetangga yang menghadapi kesusahan di bulan yang mulia ini. Tanpa melupakan juga pada saudara Islam kita di negara lain yang sedang menghadapi kesusahan, kebuluran dan peperangan, khususnya saudara Islam kita di Gaza, Palestin yang sedang dizalimi dan ditindas oleh rejim Zionis Yahudi pada saat dan ketika ini. Sudah tentu menjadi tanggungjawab kita sebagai umat Islam untuk menghulurkan bantuan kepada mereka menurut kadar kemampuan yang ada.

23

Tentunya musim sempena perayaan ini merupakan waktu yang sesuai untuk kita mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan antara sesama umat Islam. Waktu untuk kita saling bermaaf-maafan, mengeratkan silaturrahim dan mengeneipkan segala permusuhan. Tidak dinafikan, budaya rumah terbuka yang diadakan merupakan satu budaya yang baik. Namun begitu, tuan rumah perlulah mempunyai rasa cakna dan prihatin dengan kawasan kejiranan yang didiami. Sekiranya keadaan tidak sesuai seperti jalan yang terlalu sempit dan kawasan parkir kereta yang sangat terhad, maka buatlah di tempat lain yang lebih sesuai. Janganlah mementingkan diri sehingga menyebabkan jiran tetangga berasa susah, terganggu dan tidak selesa.

24



<p>Jika tiada masalah mengadakan rumah terbuka, tuan rumah tetap perlu bertimbang rasa dan memahami hal keadaan jiran sekeliling. Janganlah melakukan perkara yang boleh mengganggu ketenangan dan ketenteraman jiran tetangga seperti memasang alat pengeluar bunyi yang terlalu kuat, membiarkan sampah bersepah tanpa terurus dan sebagainya. Ingatlah, Islam amat menitik beratkan supaya hak jiran tetangga ini dipelihara dengan baik.</p>	25
<p>Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu katanya: Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">" مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ "</p>	26
<p><i>"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka janganlah dia menyakiti jiran tetangganya".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	27
<p>Para pengunjung ke rumah saudara mara dan sahabat handai juga perlulah memahami kedudukan dan keadaan rumah yang dikunjungi. Amalan yang sangat baik ini janganlah dicemari dengan perkara-perkara yang boleh merosakkannya seperti meletakkan kenderaan sesuka hati, menghalang laluan, bercampur antara lelaki dan perempuan bukan mahram tanpa batasan serta duduk terlalu lama sehingga membuatkan tuan rumah berasa kurang selesa.</p>	28



Mengakhiri khutbah pada hari yang berbahagia ini, antara kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah:

1. Umat Islam hendaklah menjadikan bulan Syawal sebagai tanda kemenangan melawan godaan hawa nafsu untuk terus menjadi hamba Allah SWT yang soleh, bukannya masa untuk kembali kepada sikap lama yang buruk.
2. Umat Islam perlulah sentiasa prihatin dengan saudara Islam mereka yang menghadapi dugaan, kesusahan dan kesulitan di mana sahaja mereka berada serta segera menghulurkan bantuan menurut kemampuan yang ada.
3. Umat Islam perlulah menjaga adab-adab Islam ketika meraikan sambutan Syawal dalam mengadakan rumah terbuka, atau berziarah dan berkunjung ke rumah sanak saudara serta sahabat handai sesuai menurut petunjuk baginda Rasulullah SAW.

29

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَالَ اللَّهُ هَذَا يَوْمٌ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ.

"Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang-orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka; mereka beroleh syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia. Itulah kejayaan yang amat besar".

(al-Ma'idah: 119).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَيْمِ الْعَوْنِ وَالْهُدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،



فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ
اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاْصِدَهُمَا
لِطَّرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

10

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.

11

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15